

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN**  
**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,**  
**PARLIMEN KETIGA BELAS,**  
**MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN R. SIVARASA  
[SUBANG]**

**SOALAN :**

Tuan R. Sivarasa [ Subang ] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status siasatan atau semakan di peringkat Peguam Negara berkaitan laporan polis yang dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Tun Daim Zainuddin berkaitan perlakuan rasuah oleh Tun Daim dengan pengetahuan Tun Dr Mahathir Mohamad (Report Tun H.S.Lee 20455/99 bertarikh 30hb Julai 1999).

**JAWAPAN:      YB PUAN HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Suatu laporan polis bertarikh 30 Julai 1999 telah dibuat oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim terhadap Tun Daim Zainuddin berkaitan perlakuan rasuah oleh Tun Daim Zainuddin dengan pengetahuan Tun Dr Mahathir Mohamad (Report Tun H.S. Lee 20455/99).
2. Laporan polis tersebut telah dibuat untuk tujuan siasatan oleh Badan Pencegah Rasuah (pada ketika itu). Pihak Badan Pencegah Rasuah (kini dikenali sebagai "Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia") telah membuka kertas siasatan dan menjalankan siasatan atas laporan yang dibuat. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang diperoleh, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia ("SPRM") mendapati bahawa tiada keterangan untuk membuktikan aduan ke atas Tun Daim Zainuddin. SPRM mengesyorkan supaya siasatan ke atas kertas siasatan Tun Daim Zainuddin dihentikan.
3. Kertas siasatan tersebut telah dirujuk kepada Jabatan Peguam Negara dan Jabatan Peguam Negara pada 29 September 2006 telah mengarahkan supaya kertas siasatan tersebut diklasifikasikan sebagai "*NFA*" (*no further action*).
4. Seterusnya berikutan dengan pendedahan dalam media massa, media elektronik dan media alternatif yang menyatakan bahawa Dato' Seri Anwar Ibrahim, Tuan Shamsul Iskandar (Bukit Katil) dan Tuan Rafizi Ramli (Pandan) mempunyai keterangan baru berkenaan

dengan kes Tun Daim Zainuddin, SPRM telah membuka semula kertas siasatan tersebut.

5. SPRM telah menjalankan siasatan sebagaimana yang berikut:

- (a) pernyataan Tuan Shamsul Iskandar telah dirakam pada 21 Januari 2015 dan SPRM mendapati bahawa beliau tidak kompeten untuk memberikan keterangan disebabkan keterangannya adalah “cakap dengar” dan berpandukan kepada petikan media; dan
- (b) Keterangan yang diperolehi setakat ini tidak mendedahkan maklumat atau keterangan baru. Mana-mana pihak yang mempunyai maklumat atau keterangan baru, bolehlah melaporkan kepada pihak SPRM untuk tindakan lanjut.

Pertan?

Sekian, terima kasih.